



**JABATAN KERAJAAN TEMPATAN**  
**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Aras 26-29, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62100 PUTRAJAYA,  
MALAYSIA.

Telefon : 603-8891 5000  
Faksimile : 603-8891 3090  
Laman Web : <http://jkt.kpkt.gov.my>

Ruj.Kami : JKT.KS.1400-2 Klt.5 (8)  
Tarikh : 27 Februari 2024

## EDARAN MELALUI PORTAL JKT:

Semua Datuk Bandar/Yang Dipertua/Pengerusi  
Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Datuk / YH Dato' / Dato' / Datu / Datin / Tuan / Puan,

## **SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA SEHINGGA MINGGU EPID 6/2024 (4 hingga 10 Februari 2024)**

Dengan segala hormatnya saya diarahkan merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk / YH Dato' / Dato' / Datu / Datin / Tuan / Puan, berdasarkan data Kementerian Kesihatan Malaysia pada minggu epid **6/2024**, sebanyak **3,631 kes** Demam Denggi dengan **1 kes** kematian dilaporkan, berbanding minggu epid **5/2024** iaitu **3,969 kes** dengan tiada kes kematian dilaporkan. Secara kumulatifnya, kes denggi yang dilaporkan sehingga 10 Februari 2024 adalah sebanyak **22,058 kes** berbanding **13,094 kes** bagi tempoh yang sama pada tahun 2023, iaitu berlaku **peningkatan** sebanyak **68.5% (8,964)**. Perbandingan bilangan kes pada tahun 2023 dan 2024 ditunjukkan di **Lampiran A**.

3. Pada **minggu epid 5/2024** sebanyak **180 lokaliti hotspot aktif** dilaporkan di seluruh negara berbanding **199 lokaliti** pada **minggu epid 06/2023**. Ini menunjukkan **peningkatan** sebanyak **11% (19 lokaliti)**. Maklumat lokaliti *hotspot* mengikut negeri dan PBT adalah seperti di **Lampiran B**.

4. Bagi PBT yang mempunyai lokaliti *hotspot*, aktiviti kawalan sebagaimana dalam Pelan Tindakan Kawalan Denggi PBT di Lokaliti *hotspot* yang disediakan oleh KPKT hendaklah dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada (5) lima kawasan utama pembiakan aedes seperti taman mainan atau rekreasi, tumpuan awam, tanah atau lot kosong, kilang atau gudang dan tempat pembuangan sampah bagi memastikan wabak denggi dapat dikawal.

Ruj.Kami: JKT.KS.1400-2 Klt.5 (8)  
Tarikh : 27 Februari 2024

5. Untuk makluman YBhg. Datuk / YH Dato' / Dato' / Datu / Datin / Tuan / Puan, situasi semasa Demam Denggi di Malaysia ini juga boleh diakses dan dimuat-turun dari portal rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan di alamat <https://jkt.kpkt.gov.my/>.

6. Segala kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk / YH Dato' / Dato' / Datu / Datin / Tuan / Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**" MALAYSIA MADANI "**

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menjalankan amanah,



**(OOI POH KEONG)**

Pengarah  
Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran,  
b.p. Ketua Pengarah,  
Jabatan Kerajaan Tempatan,  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

s.k: i. YBhg. Dato' KP/ JKT  
ii. TKP(T)/ JKT  
iii. Fail


**HIGHLIGHT SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA  
SEHINGGA MINGGU EPID 6/2024**

BIL.	JUMLAH	PERBANDING (Tempoh Yang Sama)					
		Minggu Epid		Peningkatan Kes (%)	Tahun		Peningkatan Kes (%)
		5/2024	6/2024		2023	2024	
1.	Kes Denggi Dilaporkan	3,969	3,631	-338 (8.5%)	13,094	22,058	8,964 (68%)
2.	Kes Kematian Denggi	0	1	1	9	10	1 (11%)
3.	Lokaliti Hotspot Denggi	180	199	19 (11%)			

**HIGHLIGHT SITUASI HOTSPOT DENGGI AKTIF MENGIKUT NEGERI DAN PBT**

BIL.	NEGERI	BIL. HOTSPOT DENGGI DILAPORKAN				BIL. PBT TERLIBAT			
		Minggu Epid		Peningkatan Hotspot (%)	Minggu Epid		Peningkatan PBT		
		5/2024	6/2024		5/2024	6/2024			
1.	Selangor	143	158	15 (10%)	10	10	0		
2.	Wilayah Persekutuan	20	18	-2 (10%)	1	1	0		
3.	Kedah	0	2	2	0	2	2		
4.	Pulau Pinang	3	2	-1 (33%)	2	2	0		
5.	Sabah	1	1	0	1	1	0		
6.	Perak	4	6	2 (50%)	1	1	0		
7.	Negeri Sembilan	7	10	3 (43%)	2	2	0		
8.	Sarawak	1	0	-1	1	0	-1		
9.	Pahang	1	1	0	1	1	0		
10.	Johor	0	1	1	0	1	1		

### PERBANDINGAN KES DENGGI BAGI TAHUN 2023, 2024 DAN MEDIAN (2019-2023)



LAMPIRAN B

JUMLAH HOTSPOT AKTIF MINGGU EPID (ME) 5 DAN 6 MENGIKUT NEGERI  
TAHUN 2024

Bil.	Negeri	ME 5/2024		ME 6/2024	
		Bil. hotspot	Bil. PBT terlibat	Bil. hotspot	Bil. PBT terlibat
1.	Selangor *	143	10	158	10
2.	Wilayah Persekutuan	20	1	18	1
3.	Pulau Pinang	3	2	2	2
4.	Sabah	1	1	1	1
5.	Perak	4	1	6	1
6.	Negeri Sembilan	7	2	10	2
7.	Sarawak	1	1	0	0
8.	Pahang	1	1	1	1
9.	Johor	0	0	1	1
10.	Kedah	0	0	2	2
	<b>JUMLAH</b>	<b>180</b>	<b>19</b>	<b>199</b>	<b>21</b>

BILANGAN HOTSPOT AKTIF DI NEGERI SELANGOR\*

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	ME 5/2024	ME 6/2024
1.	MB Petaling Jaya	24	20
2.	MB Shah Alam	26	29
3.	MP Klang	9	18
4.	MP Ampang Jaya	11	11
5.	MP Kajang	34	34
6.	MP Selayang	8	9
7.	MB Subang Jaya	26	30
8.	MD Hulu Selangor	3	3
9.	MP Kuala Langat	1	2
10.	MP Sepang	1	0
11.	MP Kuala Selangor	0	2
	<b>JUMLAH</b>	<b>143</b>	<b>158</b>